


Perlu tambah nilai komoditi rangsang sektor pembuatan

DE 9.3.2018 2

Neil Chan

KOTA KINABALU: Timbalan Ketua Menteri merangkap Pembinaan Perindustrian Sabah, Datuk Seri Raymond Tan (gambar) berkata, terdapat



keperluan untuk mengkaji penambahan nilai kepada komoditi asli di Sabah melalui penggunaan teknologi untuk merangsang pembangunan sektor pembuatan negeri ini yang masih perlahan.

Beliau berkata terdapat tiga sektor penting yang memacu ekonomi Sabah iaitu pertanian, pembuatan dan pelancongan namun pada waktu ini, sektor pembuatan masih amat perlahan.

Tan berkata Sabah mempunyai pelbagai komoditi asli termasuk balak, koko, kelapa sawit serta minyak dan gas tetapi ketika ini, hampir kesemua komoditi itu kebanyakannya dieksport ke luar Sabah.

"Bagaimanapun, terdapat keperluan untuk menambah nilai kepada komoditi-

komoditi ini dan membangunkan aktiviti hiliran. Jika kita mahu berubah, kita perlu memikirkan bagaimana untuk membangunkan komoditi-komoditi itu.

"Untuk melakukan itu, kita perlukan teknologi dan itu adalah hala tuju yang kita akan ambil untuk membuat perubahan itu.

"Sehingga ia dilakukan, kita akan terus mengeksport komoditi kita kerana sektor pembuatan Sabah menyumbang kurang daripada dua peratus kepada KDNK (Sabah). Jadi kita perlu tingkatkan angka itu."

Beliau berkata demikian apabila merasmikan Pelancaran Katalog Perkhidmatan Analisis, Instrumen dan Rundingan Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Bangunan Canselor UMS, Khamis.

Tan berkata kerajaan Sabah sebelum ini berusaha untuk melihat bagaimana ia dapat dilakukan.

"Kami menghubungi Petronas untuk mengekalkan gasnya di Sabah, bukan disalurkan ke luar negeri, untuk menjana aktiviti hiliran dan sekarang kita sudah membina loji urea di Sipitang.

"Tidak lama lagi pengumuman akan dibuat bagaimana kami akan bergerak dalam pembangunan Sogip dan juga bagaimana kami menjadikan Sipitang sebagai hab untuk petrokimia berkaitan aktiviti asas tani.

"Ia relevan kerana urea-amonia adalah baja yang melengkap sektor perladangan negeri kita. Jadi kita telah pun bergerak mengikut haluan itu sejak beberapa tahun lalu.

"Teknologi juga banyak dipromosi di POIC Sandakan dan Lahad Datu jadi aktiviti hiliran ini penting dalam hasrat Sabah ke arah menambah baik sektor pembuatan.

Dengan itu, beliau menggesa UMS memainkan peranannya untuk menjadi sebahagian daripada usaha itu kerana proses untuk menjana perubahan itu dapat dicapai melalui teknologi dan melalui kerjasama bijak dengan kerajaan.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof Dr Shahril Yusof berkata, dengan kemudahan dan kemahiran kini, UMS berupaya melakukan pelbagai ujian dan analisis, menawarkan perkhidmatan

instrumen dan menawarkan perkhidmatan rundingan kepada industri, agensi penyelidikan, sektor awam dan individu.

"Perkongsian peralatan dengan industri adalah sebahagian usaha UMS yang selaras dengan strategi lautan biru kebangsaan kerajaan," katanya.

Untuk mengukuhkan lagi perkhidmatan universiti, beliau berkata UMS mengambil inisiatif untuk mewujudkan sebuah Makmal Bersepadu yang diselaras dan dikendalikan oleh Pusat Instrumentasi dan Perkhidmatan Sains, dan bertanggungjawab memberi perkhidmatan kepada penuntut dan penyelidik UMS, di samping orang awam.

Bangunan Makmal Bersepadu siap pada pertengahan 2017 dan menawarkan beberapa perkhidmatan termasuk analisis menggunakan alat Mikroskop Elektron Pengimbas (SEM), Kromatografi Cecair Prestasi Tinggi (HPLC), Spektroskopi Jirim dan Kromatografi Gas (GCMS) dan beberapa peralatan berkapasiti tinggi lain.